

Headline	MEB Semua pihak perlu bijak rebut peluang		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	17 Sep 2013	Readership	180,000
Circulation	60,000	Color	Black/white
Section	Mahkamah	ArticleSize	87 cm ²
Page No	10	PR Value	RM 1,044
AdValue	RM 348		



MEB: Semua pihak perlu bijak rebut peluang

SHAH ALAM - Pengumuman projek memperkasakan ekonomi Bumiputera, perlu direbut semua pihak bagi menikmati kelangsungan hidup lebih baik.

Profesor Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Baharuddin berkata, dengan pengumuman itu, Bumiputera akan dapat lebih manfaat.

"Sampai masanya Bumiputera perlu bijak mengambil peluang, tapi ia bergantung kepada mereka bagaimana untuk digunakan."

"Tugas perdana menteri sudah selesai, sekarang ia menjadi tanggungjawab kepada pengarah, pegawai bagaimana untuk mereka membantu Bumiputera bagi memperbaiki ekonomi mereka,"

katanya, semalam.

Kata beliau, strategi itu sebagai langkah mengangkat Agenda Bumiputera sebagai Agenda Nasional dengan menempatkannya di tahap yang lebih tinggi.

Mengulas lanjut, Amir berkata beliau yakin dengan pengumuman itu dapat dilaksanakan kerana ia dilakukan di bawah pimpinan perda-

na menteri.

"Saya cadangkan supaya kerajaan perketat mekanisme pelaksanaannya supaya tiada siapa pun boleh mengambil kesempatan bagi mendapatkan manfaat ini."

"Saranan saya adalah kepada Bumiputera supaya ubah sikap, ambil peluang ini. Jadikan sebagai landasan untuk memajukan diri," katanya.